GOLDEN HOPE PLANTATION BHD

lwn.

C JAGESWARALINGAM

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, TAIPING
ZULKEFLI MAKINUDIN H
[GUAMAN SIVIL NO: 22-16-1997]
15 MAC 2004

UNDANG-UNDANG BURUH: *Perkhidmatan - Penamatan perkhidmatan - Pekerja mengalami kesakitan dan tidak boleh menjalankan kerja - Pekerja memohon cuti tanpa gaji - Majikan tidak mengambil sebarang keputusan meluluskan cuti - Majikan menamatkan perkhidmatan pekerja - Majikan menuntut gantirugi berasaskan penamatan perkhidmatan tanpa notis - Samada tindakan majikan wajar dan harus dibenarkan - Samada penamatan kerja itu adalah cacat dan tidak sah*

Plaintif menuntut terhadap defendan gantirugi berkenaan penamatan perkhidmatan defendan tanpa notis kepada plaintif. Defendan menafikan tuntutan plaintif dan menyatakan bahawa beliau telah memohon cuti tanpa gaji enam bulan daripada plaintif kerana mengalami penyakit. Defendan seterusnya menuntut balas terhadap plaintif berkenaan pembuangan kerjanya dan/atau penamatan perkhidmatannya. Isu untuk keputusan mahkamah adalah samada tindakan defendan gagal melaporkan diri untuk bekerja adalah tanpa alasan-alasan munasabah yang membolehkan plaintif menamatkan perkhidmatan defendan. Keterangan di hadapan mahkamah jelas menunjukkan bahawa defendan mengalami penyakit 'slipped disc'. Beliau juga telah dinasihatkan doktor dan pakar perubatan untuk menukar tugasnya dan untuk mengambil cuti sakit selama enam bulan. Para doktor telah menasihatkan defendan di periksa oleh satu 'Medical Board'.

Diputuskan (menolak tuntutan plaintif dan menbenarkan tuntutan balas defendan):

[1] Plaintif telah gagal di atas imbangan kebarangkalian membuktikan kes tuntutannya terhadap defendan. Plaintif gagal membuktikan bahawa tindakan defendan dalam tidak melaporkan diri untuk bekerja dan berterusan tidak hadir untuk bekerja adalah tanpa sebab yang munasabah dan sah. Jelas daripada keterangan pakar dan laporan perubatan bahawa defendan mengalami kesakitan yang mengakibatkannya tidak boleh menjalankan kerja yang ditugaskan kepadanya. Plaintif telah secara salah enggan membenarkan defendan bercuti menjalani rawatan lanjut atas kesakitannya. (ms 188 b-d)

[2] Jelas bahawa alasan kenapa defendan tidak hadir bekerja adalah kerana keadaan kesihatannya. Laporan perubatan menyokong fakta tersebut. Tidak ada keterangan yang menunjukkan pihak plaintif setelah menimbang laporan dari pakar perubatan menolak permohonan defendan untuk cuti sakit. Plaintif sendiri tidak berani memutuskan menolak permohonan cuti sakit daripada defendan. (ms 190 g-h)

[3] Berasaskan keterangan pegawai perubatan dan laporan perubatan yang dikemukakan ianya jelas menunjukkan bahawa satu Medical Board sepatutnya ditubuhkan oleh plaintif untuk menentukan kedudukan kesihatan defendan dan statusnya dalam perkhidmatannya dengan plaintif. Ini tidak dilakukan oleh plaintif (ms 191 a)

[4] Keengganan plaintif untuk mempertimbangkan perkara-perkara yang relevan seperti laporan pakar perubatan dan sebaliknya mengambil kira perkara-perkara yang tidak relevan yang mana telah dibuktikan tidak benar sudah tentu sekali mengakibatkan tindakan penamatan perkhidmatan defendan yang dibuat oleh plaintif menjadi cacat dan tidak sah. (ms 192 g)

Kes-kes yang dirujuk:
S Munusamy v. Kumpulan Sua Betong Sdn Bhd [1996] 5 MLJ 233 ***(dirujuk)***

Bagi pihak plaintif - V George; T/n Zain & Co
Bagi pihak defendan - Jagdeep Singh; T/n Karpal Singh & Co

Dilaporkan oleh Andrew Christopher Simon

PENGHAKIMAN

Zulkefli Makinudin H:

Tuntutan Plaintif

Tuntutan plaintif terhadap defendan adalah untuk suatu ganti rugi khas bagi jumlah sebanyak RM10,755 untuk tiga bulan gaji sebagai ganti kepada tiga bulan notis pemberhentian perkhidmatan mengikut perjanjian perkhidmatan bertarikh 16 Januari 1984 yang didakwa oleh plaintif gagal diberi oleh defendan kepada plaintif. Asas tuntutan plaintif terhadap defendan adalah seperti yang dinyatakan dalam perenggan 4 pernyataan tuntutan plaintif seperti berikut:

> Pada atau sehingga 13.4.1995 pihak defendan telah memungkiri perjanjian tersebut dengan gagal melapurkan diri untuk bekerja dengan pihak plaintif dan telah berterusan tidak hadir untuk bekerja tanpa sebab yang sah atau cuti yang terdahulunya diluluskan.

Adalah kes plaintif bahawa terma material dalam syarat perkhidmatan tersebut adalah jika defendan ingin menamatkan perkhidmatannya dengan pihak plaintif, beliau harus memberi pihak plaintif notis secara bertulis tiga bulan kalendar atau membayar tiga bulan gaji sebagai ganti bagi notis. Oleh kerana defendan sebagai satu pihak sahaja menamatkan perkhidmatan dengan plaintif tanpa memberi notis tersebut, maka plaintif berhak menuntut jumlah RM10,755 secara tiga bulan gaji sebagai ganti bagi notis.

Pembelaan Defendan Dan Tuntutan Balas

Defendan menafikan asas tuntutan plaintif dan menyatakan bahawa beliau telah melalui suatu surat bertarikh 3 April 1995 kepada plaintif memohon cuti selama 6 bulan tanpa gaji bermula 1 April 1995 untuk mendapat pendapat kedua dari pakar perubatan dan mendapat rawatan tradisional bagi penyakit yang dialaminya. Defendan juga melalui tuntutan balas mendakwa tindakan plaintif dalam pembuangan kerja atau penamatan perkhidmatan defendan adalah batal, tidak sah, salah di sisi undang-undang dan tiada efek dan defendan menuntut terhadap plaintif beberapa perintah deklarasi dan ganti rugi.

Fakta-fakta Kes Dan Isu Untuk Dibicarakan

Saya berpendapat isu utama yang perlu dibicara dan diputuskan dalam kes in adalah sama ada tindakan defendan dalam gagal melapurkan diri untuk bekerja dengan pihak plaintif dan berterusan tidak hadir untuk bekerja adalah tanpa alasan-alasan yang sah dan munasabah yang membolehkan plaintif menamatkan perkhidmatan defendan.

Berikut adalah di antara fakta-fakta kes yang relevan yang dikemukakan oleh pihak defendan dan plaintif melalui keterangan saksi-saksi daripada kedua belah pihak:

Defendan (DW1) dalam keterangannya menyatakan beliau telah berkhidmat dengan plaintif sebagai majikannya sejak bulan Disember 1975 dan memegang jawatan sebagai Penolong Pengurus Estet Bahagian Bilham di Sungai Wangi Estate, Sitiawan, Perak pada masa beliau dikatakan diberhentikan kerja oleh plaintif. Defendan dalam mengemukakan kesnya menyatakan beliau telah mengalami suatu penyakit yang disebut sebagai "a prolapsed fourth and fifth intervertrebal disc (slipped disc)" yang telah berulang sakitnya pada tahun 1993 semasa bertugas di Dusun Durian Estate di Banting, Selangor. Penyakit defendan tersebut telah dialaminya semula pada tahun 1994 yang akhirnya mengakibatkan defendan tidak dapat melapurkan diri untuk bekerja dan seterusnya perkhidmatan defendan ditamatkan oleh plaintif.

Defendan telah memberi keterangan berhubung dengan beberapa orang doctor dan pakar perubatan yang telah dijumpainya untuk merawat penyakitnya dan telah mengemukakan lapuran-lapuran perubatan mengenai kedudukan kesihatannya di mahkamah ini.

Kedudukan Kesihatan Defendan

(i) Pemeriksaan oleh Dr. S. Pasupathy [DW4]

Pada tahun 1994 semasa masih bekerja dengan plaintif di Dusun Durian Estate di Banting defendan telah mengalami serangan penyakit "slip disc" tersebut. Pengurus Estate tersebut telah menasihati defendan untuk mendapatkan nasihat perubatan di Pantai Medical Centre (PMC). defendan telah pergi ke PMC dan berjumpa dengan seorang doctor bernama Dr S Pasupathy [DW4] pada 24 Julai 1994. Defendan telah dimasukkan dan menerima rawatan di PMC di mana DW4 telah melakukan MRI (Magnetic Resonance Imaging) Scan ke atas defendan [rujuk eks. D6A-D6C]. Setelah keluar dari rawatan defendan telah diberi 2 minggu cuti sakit. DW4 telah menyediakan suatu lapuran perubatan ke atas defendan bertarikh 4 Julai 1994 yang dialamatkan kepada Pengurus Dusun Durian Estate Banting di mana DW4 mendapati melalui pemeriksaannya bahawa defendan mengalami sakit "prolapsed inter-vertebrae disc" atau pun yang disebut "slip disc". Cuti sakit dua minggu yang diberi oleh DW4 kepada defendan telah dinyatakan dalam terma-terma seperti berikut:

> He is now better, but required complete rest at home for another two weeks.

Defendan selepas itu sekali lagi diserang penyakit tersebut dan telah berjumpa DW4 pada 31 Mac 1995. Setelah defendan diperiksa DW4 mendapati penyakit "slip disc" tersebut berulang semula dan mengenai sebab-sebab berlakunya sedemikian DW4 telah antara lain menyatakan dalam keterangannya seperti berikut:

> I advised him that his symptoms were most probably due to the nature of his work and I advised that he refers to his employer with a letter that I had written to them. When I examined the defendant for the first time he told me that his job required him to inspect the whole plantation on a motorcycle at least once a day. This was the probable cause of the slip disc and subsequent recurrence. His condition would have become worse if he continues with the same job. I told him that he must avoid riding the motorcycle and carry heavy articles. I advised him to do surgery so that his weight could be reduced as he was at that time over-weight. The surgery was only to relieve him of the symptoms but the nature of his job must still be changed.

DW4 kemudian mengeluarkan satu lagi surat bertarikh 31 Mac 1995 [lihat m.s. 11-12 IDD] mengenai kedudukan kesihatan defendan yang ditujukan kepada plaintif. Dalam surat tersebut DW4 menyatakan seperti berikut:

> I have advised him that he should seek and attend a medical board as he is unfit to work as an estate Assistant Manager.

DW4 dalam keterangannya telah membuat kesimpulan berhubung dengan kesihatan defendan dan menyatakan seperti berikut:

> My conclusion on the defendant as at page 12 of IDD is based first on his description of his symptoms. Secondly, the recurrence of the symptoms when he returned to work after the first time he came to see me. Thirdly, he was not fit for surgery, I stand by my conclusion as in this matter.

Defendan dalam keterangannya menyatakan beliau telah selepas itu membawa surat DW4 bertarikh 31 Mac 1995 tersebut untuk perhatian plaintif menerusi surat defendan bertarikh 3 April 1995 [sila lihat m.s. 13 [DD]. Defendan telah kemudian dirujuk kepada seorang doctor bernama Dr Abdul Rahim bin Haji Omar (PW3).

(ii) Pemeriksaan oleh Dr John JH Ho [DW2]

Pada 3 April 1995 defendan telah berjumpa Dr John JH Ho [DW2] yang pada masa itu merupakan pegawai perubatan pelawat kepada Sungai Wangi Estate di Sitiawan. DW2 telah menulis satu surat bertarikh 4 April 1995 [sila lihat ms 16 IDD] kepada Pengurus Sungai Wangi Estate di mana berasaskan lapuran perubatan yang disediakan oleh Dr S Pasupathy [DW4] dan di atas permintaan defendan bahawa defendan diberi 6 bulan cuti untuk rawatan tradisional. DW2 telah mengesyorkan agar permintaan defendan tersebut diluluskan. Sungguhpun Dr John JH Ho [DW2] tidak ada membuat penilaian terhadap kesihatan defendan, DW2 mengetahui tentang keadaan defendan dan dalam kedudukan untuk mengeluarkan suratnya bertarikh 4 April 1995. Dalam hal perkara ini DW2 dalam keterangannya menyatakan antara lain seperti berikut:

> I did not evaluate the defendant because I knew he was under treatment from one Dr. Pasupathy from the Pantai Medical Centre. I was aware then of what this defendant was suffering from because of the Medical Report from Dr. Pasupathy made available to me. He had a slip disc and degeneration of the vertebrae at the fourth and fifth level of the spinal cord. It is in chronic condition and can effect his work because he was working as an assistant manager and requires a lot of working. It was not a sedentary job.

DW2 seterusnya menyatakan seperti berikut:

> The conclusion in this letter in the second sentence is based on Dr. Pasupathy's findngs. Based on the report by Dr. Pasupathy and on the request of the defendant I agree to recommend him for the six months medical leave. I confirm and stand by the contents of this letter Exhibit D7 sent to the said Sungai Wangi Estate.

(iii) Pemeriksaan oleh Dr Abdul Rahim bin Haji Omar [PW3]

Defendan juga telah selepas itu berjumpa dengan Dr Abdul Rahim [PW3] di Pusat Perubatan Tawakal pada 7 April 1995 dan mengikut defendan PW3 telah memberitahunya bahawa lapuran perubatan yang disediakan oleh Dr Pasupathy adalah mencukupi bagi plaintif untuk mengambil tindakan terhadap defendan. Pada atau lebih kurang satu bulan kemudian di atas permintaan plaintif, Dr Rahim [PW3] telah mengeluarkan satu surat berhubung dengan keadaan defendan kepada plaintif [sila lihat m.s. 20 IDD]. Walaupun PW3 menyatakan surat daripada Dr Pasupathy [DW4] tersebut bukan merupakan satu sijil sakit, PW3 masih menyatakan dalam keterangannya antara lain seperti berikut:

> Therefore the company doctor who sent him for orthopaedic consultation should issue a medical certificate to cover his sick leave as recommended till a medical board is convened.

(iv) Pemeriksaan oleh Dr Tassim R. Mahamooth

Seterusnya defendan telah berjumpa dengan seorang bernama Dr Tassim R Mahamooth di Tawakal Specialist Centre pada 13 April 1995. Dr Tassim telah menyediakan suatu lapuran perubatan mengenai keadaan defendan bertarikh 25 Mei 1995 [sila lihat m.s. 18-19 IDD] dan menyatakan seperti berikut:

> As regards to treatment, he requires surgical decompression of the spine by removing the offending disc if so desired. Unfortunately, I find him psychologically unsuitable for any form of surgical correction leaving the only other alternative, that being a change in his occupation to one of a more sedentary nature.

Dr S Pasupathy [DW4] dalam keterangannya mengenai pendapat perubatan Dr Tassim terhadap defendan menyatakan seperti berikut:

> The conclusion made by Dr. Tassim Mahamooth as in this medical report on the defendant is the same conclusion made by me.

Keputusan Mahkamah

Setelah mengkaji keterangan saksi-saksi dan dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh pihak plaintif dan pihak defendan dan setelah mengkaji hujah-hujah peguam plaintif dan peguam defendan, saya mencapai keputusan dalam kes ini seperti berikut:

Saya menolak tuntutan plaintif terhadap defendan dengan kos. Saya mendapati bahawa pihak plaintif telah gagal di atas imbangan kebarangkalian membuktikan kes tuntutannya terhadap defendan. Saya mendapati pihak plaintif telah gagal membuktikan bahawa tindakan defendan dalam tidak melaporkan diri untuk bekerja dan berterusan tidak hadir untuk bekerja adalah tanpa sebab yang munasabah dan sah. Saya mendapati berasaskan keterangan saksi pakar pegawai-pegawai perubatan yang berkenaan iaitu Dr S Pasupathy [DW4], Dr John JH Ho [DW2], Dr Abdul Rahim bin Haji Omar [PW3] dan Dr Tassim R Mahamooth dan lapuran-lapuran perubatan mereka terhadap defendan, adalah jelas bahawa defendan mengalami kesakitan yang membuatnya tidak boleh menjalankan kerja yang ditugaskan kepadanya. Saya seterusnya mendapati sungguhpun terdapat syor-syor yang disokong oleh pegawai-pegawai perubatan bahawa permohonan defendan untuk cuti sakit diluluskan, pihak plaintif telah secara salah enggan membenarkan defendan untuk bercuti menjalani rawatan lanjut ke atas kesakitannya tersebut.

Adalah pandangan saya bahawa plaintif sepatutnya meluluskan permohonan defendan untuk mendapat cuti sakit bagi membolehkan beliau mendapat rawatan mengenai penyakitnya. Dr S Pasupathy [DW4] telah dalam surat pertamanya bertarikh 4 Julai 1994 menyatakan defendan patut diberi dua minggu untuk berehat. Pihak plaintif didapati tiada apa-apa masalah pada masa itu berhubung dengan cuti dua minggu yang diambil oleh defendan. Walaubagaimanapun mengenai cuti yang dipohon oleh defendan pada bulan April 1995, kedudukan yang diambil oleh plaintif adalah tiada sijil cuti sakit dikeluarkan dan dengan itu defendan tiada hak untuk mengambil cuti, Dalam hal perkara ini saya berpendapat kedudukan yang diambil oleh plaintif adalah tidak ikhlas dan plaintif nampaknya cuba mengelak menghadapi isu yang berada di hadapannya. Ini adalah kerana pertama, sungguhpun surat bertarikh 4 Julai 1994 yang dikeluarkan oleh Dr S Pasupathy [DW4] bukan merupakan suatu "medical leave certificate", tetapi ianya telah diterima oleh plaintif. Kedua, melalui surat lanjutan DW4 bertarikh 31 Mac 1995 ianya jelas menyatakan bahawa defendan adalah "unfit to work as an estate manager."

Saya mendapati bukan hanya DW4 yang mengesahkan defendan sebagai tidak sihat untuk bekerja, tetapi Dr John JH Ho [DW2] juga setelah mengkaji keputusan lapuran perubatan DW4 menyokong permintaan defendan untuk mendapatkan cuti 6 bulan diluluskan. Saya berpendapat surat DW2 bertarikh 4 April 1995 adalah merupakan suatu cuti sakit kerana DW2 adalah pegawai perubatan syarikat plaintif yang jelas menyatakan permintaan defendan untuk cuti diluluskan.

Saya juga mendapati Dr Rahim [PW3] sungguhpun dalam suratnya bertarikh 12 Jun 1995 menyatakan surat Dr S Pasupathy bertarikh 31 Mac 1995 bukan merupakan satu sijil cuti sakit, beliau [PW3] sendiri telah mengesyorkan apa yang Dr John JH Ho telah lakukan, iaitu dengan menyatakan seperti berikut:

> the company director who sent him for orthopaedic consultation should issue a medical certificate to cover his sick leave as recommended till a medical board is convened.

Saya mendapati saksi plaintif Quah Chok Kee [PW1] telah bersikap "evasive" semasa memberi keterangan berhubung dengan kedudukan kesihatan defendan. Sungguhpun surat Dr John JH Ho bertarikh 4 April 1995 jelas menyatakan permintaan defendan hendaklah diluluskan, PW1 masih mahu menyatakan fakta yang sebaliknya seperti berikut:

> The said doctor recommended the defendant's request for medical leave. This letter is not an approval for medical leave to any staff or employee of the estate., Normally a doctor approves a medical leave and it is stated clearly he or she is fit or unfit for duties.

Adalah pandangan saya bahawa PW1 dalam keterangannya menunjukkan beliau tidak mempunyai kredibiliti. Surat Dr John JH Ho adalah amat jelas dan adalah tidak perlu bagi Dr John JH Ho untuk menyatakan pendapatnya secara bertulis. Tambahan pula Dr John JH Ho telah menulis surat tersebut setelah menimbang lapuran perubatan defendan bertarikh 31 Mac 1995 yang disediakan oleh Dr S Pasupathy yang menyatakan defendan tidak sihat untuk bekerja. Walauapapun PW1 semasa disoal-balas bersetuju bahawa jika Dr John JH Ho telah mengesyorkan cuti sakit dibenarkan, beliau [PW1] tidak akan berada dalam kedudukan untuk menolak cuti sakit yang dipohon oleh defendan tersebut. Semasa disoal semula PW1 seterusnya menyatakan seperti berikut:

> My understanding of this letter from Dr John Ho is that he is recommending the defendant for leave for medical treatment.

Fakta ini sememangnya memburukkan lagi kredibiliti PW1. Persoalannya adalah sekiranya PW1 tiada dalam kedudukan untuk menolak cuti sakit diberi kepada defendan seperti yang disokong oleh Dr John JH Ho, mengapakah beliau [PW1]

berbuat demikian. Malangnya dalam hal perkara ini kita tiada mempunyai jawapan. Walaubagaimanapun apa yang jelas adalah defendan pasti pada masa itu mengalami suatu penyakit yang membolehkannya mendapat cuti. Adalah pendapat saya bahawa plaintif sepatutnya secara telus dan ikhlas memenuhi syor-syor yang telah dibuat oleh beberapa orang doktor dan pakar perubatan tersebut. Suatu rujukan secara analogi boleh dibuat kepada kes *S Munusamy v. Kumpulan Sua Betong Sdn Bhd* [1996] 5 MLJ 233 di mana sungguhpun berasaskan fakta kes tersebut tiada syor pakar perubatan diperolehi, namun YA hakim bersetuju dengan pendapat Mahkamah Perusahaan seperti berikut:

> If the employee is unfit for work, as determined by a doctor or a panel of doctors agreed upon by the estate and the union then, in all equity and good conscience, the estate must allow him to go on retirement on medical grounds.

Oleh itu berasaskan hal keadaan kes ini, adalah sukar untuk menyatakan bahawa kegagalan defendan untuk melaporkan diri untuk bekerja dan berterusan tidak hadir adalah tanpa sebab yang menesabah seperti yang didakwa oleh plaintif.

Sungguhpun terdapat bukti keterangan lapuran perubatan yang memihak kepada defendan, plaintif telah bertindak secara yang tidak berpatutan dengan mengenepikan sepenuhnya keadaan kesihatan defendan, seorang pekerja yang telah berkhidmat hampir 20 tahun dengan plaintif apabila pada 24 April 1995 plaintif telah mengeluarkan satu surat kepada defendan mendakwa defendan telah melarikan diri atau "absconded" daripada perkhidmatan dan menuntut tiga bulan gaji sebagai ganti kepada notis.

Saya mendapati adalah jelas bahawa alasan kenapa defendan tidak hadir bekerja adalah kerana keadaan kesihatannya dan untuk itu beberapa lapuran pakar perubatan telah disediakan yang telah dinyatakan sebelum ini yang menyokong fakta tersebut. Semua pakar perubatan dan doktor yang telah merawat defendan bersetuju bahawa permohonan defendan untuk cuti sakit diluluskan oleh pihak plaintif dan sepatutnya plaintif bertanggungjawab untuk berbuat demikian. Dalam hal perkara ini saya mendapati tidak ada keterangan yang menunjukkan pihak plaintif setelah menimbang lapuran-lapuran dari pakar perubatan yang berkenaan walaubagaimanapun menolak permohonan defendan untuk cuti sakit. Adalah pandangan saya kegagalan di pihak plaintif untuk membuat penilaian dan keputusan ke atas lapuran-lapuran perubatan tersebut menunjukkan bahawa plaintif sendiri tidak berani memutuskan menolak permohonan cuti sakit daripada defendan. Atas alasan ini saya berpendapat penamatan perkhidmatan defendan oleh plaintif adalah dipertikaikan dan ianya adalah tidak sah.

Saya juga berpendapat berasaskan keterangan pegawai perubatan yang berkenaan dan lapuran-lapuran perubatan yang dikemukakan ianya jelas menunjukkan bahawa suatu Medical Board sepatumya ditubuhkan oleh pihak plaintif untuk menentukan kedudukan keadaan kesihatan defendan dan statusnya dalam perkhidmatannya dengan plaintif. Ini telah tidak dilakukan oleh pihak plaintif.

Dalam perbicaraan ini saya mendapati cara saksi-saksi defendan disoal-balas menunjukkan pendekatan yang diambil oleh plaintif adalah tanggungjawab untuk menubuhkan suatu Medical Board adalah di atas defendan. Walaubagaimanapun prosedur untuk menubuhkan suatu Medical Board jelas dinyatakan oleh Dr S Pasupathy [DW4] seperti berikut:

> I know of the procedure for the Medical Boarding out of employees and it is similar for all employers. The Human Resources Department of the employee initiates this Medical Boarding out procedure.

Dalam hal perkara ini juga saksi plaintif PW2 sendiri menyatakan seperti berikut:

> By virtue of this letter (Dr. Rahim 's letter at page 20 of IDD), my understanding is that the plaintiff company should convene a Medical Board.

Oleh yang demikian pendapat pihak plaintif bahawa defendan sepatutnya mengambil initiatif untuk menubuhkan suatu Medical Board adalah tidak boleh dipertahankan dalam hal keadaan kes ini. Sesungguhnya keengganan plaintif memberi pertimbangan ke atas lapuran-lapuran pakar perubatan tersebut telah menyumbang kepada kegagalan plaintif untuk menubuh Medical Board tersebut.

Pertimbangan Ke Atas Perkara-perkara Yang Tiada Berkaitan Iaitu Rumah Kediaman Bungalow Yang Dikosongkan Oleh Defendan

Adalah jelas keadaan kesihatan defendan yang berasaskan lapuran-lapuran perubatannya telah menyebabkan defendan meninggalkan kerjanya dengan plaintif. Plaintif telah senantiasa mengetahui fakta ini. Walaubagaimanapun dalam surat plaintif bertarikh 24 April 1995 yang menamatkan perkhidmatan defendan tiada terdapat langsung pertimbangan yang dibuat oleh plaintif ke atas lapuran-lapuran pakar perubatan yang berkenaan, sebaliknya pihak plaintif telah mengambilkira perkara-perkara yang tiada berkaitan terutamanya mengenai rumah bungalow yang dikosongkan oleh defendan dengan menyatakan seperti berikut:

> ... instead on 13th April, 1995, Sungai Wangi Estate manager reported that you have vacated the bungalow on 12th April 1995. Apparently you have shifted out all your belongings from the Biham Bungalow without the estate manager's knowledge. .... under the circumstances we would consider that you have

> absconded from your service and contravened your service agreement with the company ... .

Perlu dinyatakan di sini bahawa alasan defendan meninggalkan dan mengosongkan rumah bungalow tersebut adalah jelas diketahui oleh plaintif. Selepas perjumpaan dengan Dr. Abdul Rahim [PW3] dan setelah tiada tindakan diambil oleh pihak plaintif, defendan telah membuat keputusan untuk mengosongkan rumah bungalow tersebut bagi membolehkannya untuk mendapat rawatan dan defendan telah menulis surat bertarikh 12 April 1995 kepada plaintif di mana dinyatakan seperti berikut:

> I am still on medical leave and as soon as I am fit to return to work, I will write in. I am leaving on my own accord for treatment while you and the company is procrastinating over my treatment and action to be taken. My health is important to me.

Berhubung dengan tindakan mengosongkan rumah bungalow tersebut defendan juga menyatakan dalam keterangannya seperti berikut:

> I vacated the bungalow at the Estate on 12.4.95 because the back pain suffered by me was so bad. The environment at the bungalow then was not conducive to my health because the water supply was contaminated and the said bungalow was in bad shape.

Dalam hal perkara ini, Kumaran Krishnan [DW3] yang tinggal berhampiran dengan tempat tinggal defendan di estate tersebut sekitar bulan April 1995 telah menyokong keterangan defendan apabila DW3 menyatakan antara lain seperti berikut:

> Pada masa itu keadaan rumah defendan terdapat terlalu banyak binatang kelawar. Di belakang rumah defendan terdapat kebocoran atap dekat dengan bahagian dapur. Di kawasan tempat saya tinggal jikalau hujan lebat akan terjadi banjir. Air akan masuk ke dalam telaga dan air dari telaga ini akan masuk ke dalam tangki air di rumah di estate tersebut. Ini menyebabkan air dalam tangki rumah menjadi keroh dan tidak boleh dipakai.

Adalah pandangan saya keengganan plaintif untuk mempertimbangkan perkara-perkara yang relevan seperti lapuran pakar-pakar perubatan dan sebaliknya mengambil kira perkara-perkara yang tidak relevan yang mana ianya telahpun dibuktikan tidak benar sudah tentu sekali mengakibatkan tindakan penamatan perkhidmatan defendan yang dibuat oleh plaintif menjadi cacat dan tidak sah.

Berhubung dengan tuntutan balas defendan saya mendapati di atas imbangan kebarangkalian pihak defendan telah membuktikan tuntutan balasnya terhadap plaintif. Saya mendapati bahawa plaintif telah gagal mengambil kira semua

lapuran-lapuran perubatan dan hal perkara kesihatan defendan yang telah dikemukakan sebelum mengambil tindakan menamatkan perkhidmatan defendan. Saya dengan ini membenarkan tuntutan balas defendan dengan kos dan membuat perintah-perintah seperti berikut:

(i) bahawa pembuangan atau penamatan kerja defendan adalah batal, tidak sah dan tidak mempunyai sebarang kesan undang-undang;

(ii) suatu award gantirugi diberi kepada defendan dan suatu akaun hendaklah diambil tentang semua tunggakan gaji, elaun, emolumen dan bayaran-bayaran lain yang defendan layak dan sepatutnya menerima dari tarikh penamatan kerja hingga ke tarikh defendan mendapat pekerjaan yang baru.

Prosiding untuk menentukan amaun-amaun ini hendaklah ditentukan di hadapan Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Taiping.

Saya memutuskan tiada perintah dibuat untuk defendan diletakkan semula jawatannya dalam perkhidmatan plaintif memandangkan perlaksanaan spesifik adalah tidak sesuai bagi kontrak perkhidmatan seperti dalam kes ini.

Akhir sekali saya juga memutuskan menolak tuntutan defendan untuk tekanan dan ketegangan (tension and stress), hilang semangat (demoralization) dan gangguan (harassment) dan sebagainya kerana tiada keterangan yang kukuh telah dikemukakan oleh defendan bagi Mahkamah membenarkan award untuk tuntutan ini.